

# Tanah di Shenton Way

BH - 6 SEP 2001

Oleh Nadzim Ahmad  
Jamalludin

PUTRAJAYA. Uabu - Malaysia akan menerima sebidang tanah di Shenton Way, Singapura sebagai ganti penyerahan tanah milik Keretaoi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Tanjung Pagar.

Menteri Luar, Datuk Seri Sydd Hamid Albar berkata, kawasan yang diganti itu mempunyai nilai sama dengan tanah di Tanjung Pagar.

Beliau berkata, daiaim persetujuan bersama mengenai Perkara-Perkara Perjanjian (POA) yang dicapai semalam, kedua-dua pihak juga bersetuju memberi pampasan terhadap 12 bidang tanah yang diambil.

"Kita tidak lagi melihat kepada POA tetapi satu perjanjian yang merangkumkan semua perkara dan membabitkan perkara khusus.

"Seperti air, akan ada perjanjian baru. Hanya kita kena bincangkan harga dan jumlahnya," katanya kepada pemberita selepas menerima kunci bangunan baru Kompleks Wisma Putra daripada Pengerusi Putrajaya Holding, Datuk Prof Zainuddin Mahammad di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Syed Hamid turut menyerahkan kunci bangunan Wisma Putra yang lama kepada institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDHL).

Dalam majlis yang sama, beliau turut melancarkan

imaan web dan intranet Kementerian Luar Negeri. Laman web kementerian itu boleh dilayari melalui [www.kln.gov.my](http://www.kln.gov.my).

Semaiaim, Malaysia dan Singapura bersetuju menyelesaikan semua isu tertanggung yang berlarutan begitu lama berikutan perbincangan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew.

Persetujuan itu merangkumi penjualan air oleh Malaysia kepada Singapura; pertikaian mengenai pembangunan tanahmiiik KTM Bhd dan status Pusat Kastam, fmgiresen dan Kuarantin di stesen KTM Tanjung Pagar, Singapura; penggunaan ruang udara

## ganti kawasan di Tanjung Pagar

Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan pengeiuaran wang caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Seiain isu itu, kedua-dua pihak juga setuju dengan cadangan tambahan Malaysia mengenai pembinaan jambatan baru menghubungkan kedua-dua negara dan merobohkan Tambak Johor seiepas jambatan baru itu siap pada 2007.

Mengulas cadangan tambahan itu, Syed Hamid berkata, kedua-dua negara bersetuju supaya kedudukan terowong yang akan dibina itu ditetapkan melalui kordinat menentukan sempadan perairan negara.

Ini bermakna, katanya,

kedudukan terowong Singapura dan Malaysia berada dalam negara masing-masing.

"Semua soal prinsipal sudah dipersetujui. Apa yang perlu dilakukan ialah menveiesaikan beberapa perkara yang perlu dip&halusi," katanva.

Mengenai penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura, Syed Hamid berkata, Malaysia bersetuju membenarkan pesawat pejuang repubiik itu meiiintasi ruang udara negara ini untuk ke tempat latihan di Laut China Selatan.

Bagaimanapun, beliau berkata, persetujuan itu hanya akan dimuktamadkan apabila kedua-dua negara menandatangani

semua perkara yang dipersetujui sebagai satu pakej.

"Kita bukan bersetuju di atas satu-satu perkara, tapi satu perkara yang dirangkumkan dalam satu pakej oleh kedua-dua negara," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia bercadang menetapkan satu tahap ketinggian untuk pesawat pejuang Singapura apabila melintasi ruang udara negara ini, Syed Hamid berkata:

"Saya fikir yang paling penting ialah kita mencapai persetujuan untuk menyelesaikan perkara yang tertanggung dan tertanggung antara Malaysia dan Singapura yang kadang kala mengganggu perhubungan dua hala.

"Jadi kita tengok ini se-

cara gambaran makro dan kita akan cuba masukkan keperluan mikro dengan syarat-syarat yang memuaskan kedua-dua pihak," katanya.

Mengulas lanjut persetujuan yang dicapai antara kedua-dua negara dalam menyelesaikan semua isu tertanggung, Syed Hamid berkata, apa yang diperlukan sekarang ialah menetapkan dalam perkaataan dan syarat-syarat yang dapat diterima pakai kedua-dua negara.

Katanya, selepas perbincangan semaiam, kementerianya sudahpun menyediakan laporan mengenai svor dikemukakan oleh kedua-dua negara sebagai asas kepada perjanjian yang akan diadakan.